

29 JUN 2003

Najib-Sains

ANGGAPAN MELAYU HANYA BOLEH KUASAI SAINS SOSIAL LENYAP, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Anggapan bahawa orang Melayu hanya mampu menguasai ilmu sains sosial sahaja di negara ini telah dilenyapkan sama sekali dengan pencapaian kaum itu dalam bidang sains dan teknologi menerusi Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pada hari ini ahli sains dan teknologi Melayu telah meningkat dengan mendadak sejak 50 tahun lepas dan mereka membabitkan diri dalam semua bidang termasuk sains terrestrial (daratan), sains angkasa mahupun marin.

"Saya difahamkan hampir 80 peratus daripada penyelidik di dalam bidang-bidang ini adalah orang Melayu. Justeru tidak hairanlah bahawa ada saintis Melayu yang sedang menjalankan penyelidikan di daratan dan lautan Antartika, merekacipta enjin kereta terpantas di dunia di makmal-makmal automotif di Eropah dan mengetuai institusi pasca-ijazah sains di Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menutup Kongres Kebangsaan Sains Dan Teknologi Melayu ke II selama dua hari anjuran Pusat Penggalakan Keintelektualan dan Kemajuan Teknologi (CIPTA) di sini hari ini.

Najib berkata jelas bahawa segala dasar terutamanya dalam bidang pendidikan yang dilaksanakan kerajaan menampakkan hasilnya sekarang.

Katanya bangsa Melayu juga perlu memberi penekanan terhadap sains dan teknologi pertahanan dan menurutnya semua agensi kementerian, universiti atau syarikat swasta perlu bekerjasama mewujudkan peralatan ketenteraan baru.

Sebelum itu, pengerusi panel penasihat CIPTA Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid mengumumkan resolusi 51 usul yang dirumuskan dalam kongres itu yang terbahagi kepada empat perkara iaitu Bidang Keutamaan Tumpuan, Kegawatan Pemahaman Masyarakat Umum Melayu Terhadap Sains dan Teknologi, Jaringan Saintis dan Teknologis Melayu dan Gagasan Saintis dan Teknologis Muda.

Resolusi itu antara lain mencadangkan agar kelompok saintis Melayu yang terlibat sejak awal dalam projek Lembah Bio terus melibatkan diri dengan projek itu bagi memastikan kesinambungan modal keintelektualan saintis Melayu.

Resolusi itu kemudiannya diserahkan kepada Najib oleh Ahmad Sarji dan akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku penaung kehormat CIPTA dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada sidang media kemudiannya, Najib berkata sebahagian besar resolusi itu amat berguna dan akan ditimbang oleh kerajaan sebagai landasan baru untuk memperkasakan negara dalam sains dan teknologi serta saintis Melayu.

Lembah Bio diwujudkan di kawasan seluas 484 hektar di dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia, dijangka menarik pelaburan lebih daripada 250 buah syarikat dan dijangka menyediakan 17,000 peluang pekerjaan dalam masa lapan hingga 10 tahun.

-- BERNAMA

SHS RHM